PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR- DAP]**
TARIKH	:	**16 NOVEMBER 2016 (RABU)**

SOALAN (NO. 38)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan insentif-insentif yang diberi kepada jurulatih-jurulatih atlit-atlit paralimpik yang berjaya di sukan Paralimpik baru-baru ini dan sama ada jurulatih-jurulatih tersebut akan diberi pengiktirafan yang sewajarnya untuk kejayaan-kejayaan mereka. sekiranya ya, nyatakan pengiktirafan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selaku kementerian yang bertanggungjawab mengenai sukan prestasi tinggi negara juga tidak ketinggalan dalam menjaga kebajikan atlet dan jurulatih negara. **Skim Galakan Jurulatih (SGAR)** telah diwujudkan sejak tahun 1990 merupakan satu insentif khas diberikan kepada jurulatih berikutan kecemerlangan atlet dibawah bimbingan mereka yang telah berjaya memperoleh kejayaan di peringkat antarabangsa. Melalui skim tersebut, imbuhan sebanyak 20% daripada jumlah Skim Hadiah Kemenangan Sukan **(SHAKAM)** yang diperolehi atlet akan diberikan kepada jurulatih berkenaan.

2. Bagi barisan jurulatih atlet-atlet Paralimpik yang telah berjaya memenangi pingat di Sukan Paralimpik Rio 2016, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menambah sebanyak 10% pemberian insentif menjadikan keseluruhan sebanyak 30% insentif yang akan diperolehi oleh setiap jurulatih yang terlibat. Majlis Penyampaian Insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara pada 8 Oktober 2016 baru-baru ini menyaksikan seramai 3 orang jurulatih sukan olahraga Paralimpik telah memperoleh sebanyak RM930,000.00 secara keseluruhan berdasarkan kutipan 3 pingat emas dan 1 pingat gangsa oleh atlet mereka.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]**
TARIKH	:	**16 NOVEMBER 2016**
RUJUKAN	:	**9392**

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian banduan di dalam penjara tahun 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Oktober 2016 sebanyak 3 kematian penghuni berlaku di dalam penjara direkodkan dalam tahun 2016. Manakala 228 lagi kematian penghuni berlaku di luar penjara iaitu semasa penghuni berkenaan sedang menjalani rawatan di hospital kerana masalah kesihatan.

Dalam hal ini, Ketua Pengarah Penjara juga telah menetapkan satu prosedur bahawa bagi setiap kes kematian, haruslah dilaporkan kepada pihak Polis, *Hakim Coroner* dan selanjutnya dilaksanakan *coroner visit*. Selepas itu, satu bedah siasat akan dilakukan dan laporannya akan dimaklumkan kepada ahli keluarga banduan yang terlibat. Bagi banduan bukan warganegara Malaysia, laporan tersebut akan dimaklumkan kepada pihak kedutaan Negara banduan tersebut untuk tindakan selanjutnya.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]**
TARIKH	:	**16.11.2016 (RABU)**
SOALAN	:	**40**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian bercadang melaksanakan pembinaan loji air Daerah Pitas berikutan masalah catuan air yang semakin kronik di daerah tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan loji air Daerah Pitas iaitu Pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 Pitas, Sabah kini dalam proses lantikan Perunding Kejuruteraan Awam & Struktur. Pelantikan perunding ini dijangka selesai pada November 2016 dan projek dijangka akan ditender pada Februari 2017.